



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
KompleksIbuPejabat Yayasan Sabah
TelukLikas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424
E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

16 Mac 2022

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENDIDIKAN PRASEKOLAH KUMPULAN YAYASAN SABAH

KOTA KINABALU (Rabu) - Kumpulan Yayasan Sabah telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Kanak-kanak yang bertemakan *We Are Stars* pada 16 Mac 2022 bertempat di Bangunan Tadika Ria, Kompleks Ibu Pejabat Kumpulan Yayasan Sabah, Likas.

Majlis diadakan dengan mematuhi serta mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepenuhnya yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Seramai 44 orang kanak-kanak dari Taska Ria, Taska Kristal Ria, Tadika Kodidik dan Tadika Ria telah menerima sijil pendidikan prasekolah dan seramai enam orang telah mendapat sijil cemerlang.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada kanak-kanak prasekolah yang telah berjaya menamatkan sesi persekolahan di prasekolah sehingga mendapat pengiktirafan dan penghargaan. Semoga kanak-kanak ini akan menjadi insan yang cemerlang untuk masa hadapan sejajar dengan tunggak matlamat Kumpulan Yayasan Sabah untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan mempunyai kredibiliti tinggi.

Seterusnya, tahniah juga diucapkan kepada para guru dan ibu bapa atas sokongan dan dedikasi mereka dalam mendidik serta memberi tunjuk ajar kepada kanak-kanak tersebut.



Gambar 1 : Adik Nur Afda Lina Sofiyah binti Sofhian (tengah) salah seorang pelajar cemerlang bergambar kenangan bersama guru-guru.



Gambar 2 : Adik Farid Atallah Zulkifle salah seorang daripada kanak-kanak yang menerima sijil pendidikan prasekolah.

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel. : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com